

**NUZUL QURAN**  
**13 Ramadan 1443h/15 April 2022m**

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ  
يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ .

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Nuzul al-Quran bermaksud penurunan al-Quran sekaligus dari Luh Mahfuz ke Baitul Izzah (Langit Dunia) berlaku pada Bulan Ramadan. Seterusnya al-Quran diturunkan secara beransur-ansur kepada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam mengikut ketetapan dan perintah Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam

jangka masa lebih kurang 23 tahun. Ia memberi makna yang sangat besar kepada umat Islam di sepanjang zaman.

Al-Quran adalah sumber hidayah. Al-Quran juga adalah *rahmat* dan *syifa'* (penawar) kepada manusia. Al-Quran juga adalah *furqan* (yang membezakan) antara yang hak dan batil. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 185:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

**Yang bermaksud:** “*Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah.*”

Penurunan al-Quran menuntut kita agar menghayati isi kandungan Al-Quran dengan sebenar-benarnya. Al-Quran bukan sekadar dibaca dan dihafaz sahaja bahkan lebih penting adalah kita memahami *maqasid* atau tujuan ia diturunkan. Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi yang bermaksud: “*Ingatlah sesungguhnya akan berlaku fitnah*”. Aku Saidina Ali bin Abi Talib bertanya: “*Apakah jalan keluar daripadanya wahai Rasulullah*”? Baginda menjawab: “*Kitab Allah. Di dalamnya terdapat kisah-*

*kisah sebelum kamu dan perkhabaran apa yang akan datang sesudah kamu dan hukum hakam antara kamu. Al-Quran adalah kata pemutus yang memisahkan yang hak dan batil dan bukan senda gurau. Sesiapa sahaja yang meninggalkannya kerana sombong akan dibinasakan oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Dan sesiapa sahaja yang mencari petunjuk selainnya akan disesatkan oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Ia adalah tali Allah yang teguh dan ia adalah pengajaran yang bijaksana, ia adalah sirat al-mustaqim (jalan yang lurus), ia adalah sebuah kitab yang dengan sebab berpegang teguh kepada ajarannya hawa nafsu seseorang tidak akan menyeleweng atau terpesong dan ia adalah kitab yang kalimah-kalimahnyanya tidak samar atau berputar belit dan para ulamak pula tidak pernah puas darinya. Demikian juga keindahan kemanisan dan kelazatan membacanya tidak akan pernah hilang dan kandungannya menakjubkan tidak berkesudahan. Ia adalah kitab yang jin tidak berhenti mendengarnya sehingga mereka berkata: "Sesungguhnya kami mendengar bacaan al-Quran yang menakjubkan. Ia menunjuk ke jalan yang benar lalu kami beriman kepadanya." Sesiapa sahaja yang berkata dengannya benarlah perkataannya dan sesiapa sahaja yang beramal dengannya pahalalah ganjarannya dan sesiapa sahaja yang berhukum dengannya adillah ia. Dan sesiapa yang menyeru kepadanya nescaya ia menunjuk kepada sirat al-mustaqim (jalan yang lurus).*

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Bersempena dengan Nuzul Al-Quran, marilah kita bersungguh-sungguh membaca al-Quran mengajak ahli keluarga bertadarus Al-Quran sekurang-kurangnya satu juzuk atau satu jam sehari jika dibandingkan masa kita yang dihabiskan dengan menonton televisyen dan melihat telefon.

Bacalah al-Quran di bulan Ramadan dan teruskanlah pada sebelas bulan yang lain. Jadikanlah al-Quran sebagai teman kita sepanjang hayat. Marilah kita mengambil iktibar daripada firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Israk ayat 9:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ

الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

**Yang bermaksud:** *“Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat benar (agama Islam), dan menyampaikan berita yang mengembirakan bagi orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal yang salih, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.”*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ آيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ  
الرَّحِيمُ .